



Bancian Pertanian kumpul data, bantu sektor asas tani



Kerajaan Negeri Pulau Pinang berharap Kabinet dapat meluluskan kertas cadangan supaya Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dapat memulakan Banci Pertanian 2024.

Exco Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi negeri Fahmi Zainol berkata bancian itu bagi mengumpul data terperinci dan statistik berkaitan sektor asas tani seterusnya membantu kerajaan untuk menggubal dasar demi memastikan sekuriti makanan negara terjamin.

Beliau berkata tambahan pula, data itu sudah lama tidak dikemas kini dengan kali terakhir dibuat pada 2005, justeru pengumpulan data terkini penting lebih-lebih lagi isu keterjaminan makanan dilihat antara masalah mendesak hari ini.

"Apabila bercakap soal ekonomi, sektor pertanian sering dipinggirkan, buktinya kita boleh lihat sudah 18 tahun data (pertanian) tidak dikemas kini.

"Jadi, sudah tiba masa mereka (DOSM) mengumpul semula semua data dan statistik ini kerana ia penting bukan saja untuk kerajaan gubal dasar, tetapi juga memastikan negara tidak ketinggalan dalam revolusi pertanian selain membantu pengusaha sektor asas tani," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Seminar Statistik Pertanian 2023 di Universiti Sains Malaysia (USM) Kampus Kejuruteraan di sini hari ini, yang turut dihadiri Pengarah DOSM Pulau Pinang Khairolnizam Hassan.

Sebanyak 300 peserta menghadiri seminar itu yang terdiri daripada agensi pertanian iaitu tanaman, ternakan, perikanan, perhutanan dan pembalakan, pengusaha pertanian dan koperasi.

Sementara itu, Khairolnizam berkata sejumlah 10,000 responden daripada pelbagai sektor pertanian di Pulau Pinang terlibat dengan bancian yang dijangka bermula Julai hingga September tahun depan.

Justeru, beliau turut berharap Kabinet dapat memberikan kelulusan supaya bancian itu dapat dilengkapkan mengikut tempoh yang dicadangkan selain kerjasama daripada semua pihak yang terlibat. (30/10/2023)